

**Tarikh Dibaca: 09 JUN 2023M | 20 ZULQA'DAH 1444H**



**جَبَاتَانِ اِغَامَا اِيسْلَامِ سِلَانْغُورِ**  
**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

# **KHUTBAH JUMAAT**

**Tajuk:**

**“KEMATIAN YANG PASTI”**

**\*\*\***

**Terbitan:**

**Unit Khutbah**

**Bahagian Pengurusan Masjid**

**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**



## "KEMATIAN YANG PASTI"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُوَفَّوْنَ أُجُورَكُمْ  
يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَمَنْ زُحْزِحَ عَنِ النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ وَمَا الْحَيَاةُ  
الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ<sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى  
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى  
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ<sup>2</sup>

### Muslimin yang dirahmati Allah SWT,

Marilah kita berusaha meningkatkan ketakwaan kehadiran Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya serta meninggalkan semua larangan-Nya supaya kita termasuk dalam golongan orang-orang yang beroleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Khutbah pada hari ini adalah bertajuk "KEMATIAN YANG PASTI."

### Muslimin yang dirahmati Allah,

<sup>1</sup> Ali-imran :185

<sup>2</sup> Ali-Imran : 102



Sesuatu perkara besar yang bakal dilalui oleh setiap makhluk bernyawa itu adalah kematian. Sepertimana maksud ayat 185 surah Ali Imran yang dibaca di awal khutbah ini secara tersiratnya adalah memerintahkan kita agar sentiasa mengingati saat kematian yang pasti akan kita tempuhi. Islam mengajar kita bukan sahaja cara untuk hidup tetapi juga cara bagaimana untuk mati, supaya memperoleh kematian dalam keadaan diredai Allah. Sepanjang kehidupan kita ini, sudah tentu ramai kenalan kita yang terlebih dahulu pergi meninggalkan kita menemui ajal dan kembali mengadap ilahi sama ada dalam kalangan sanak saudara kita, sahabat handai, guru-guru dan mungkin juga anak isteri atau ibu dan bapa kita. Pemergian mereka sebenarnya sebagai pengajaran untuk kita. Sekurang-kurangnya mengingatkan kita bahawa suatu hari nanti, kita akan menyusul meninggalkan dunia.

Para ulama menyatakan bahawa kematian bukan hanya lenyapnya seseorang dan tiada lagi kejadian atau kehidupan setelah itu, tetapi kematian itu adalah terputus atau terpisahnya hubungan antara roh dengan jasad, bertukar atau berpindahnya sesuatu keadaan ke keadaan yang lain, suatu tempat ke tempat yang lain. Kematian itu adalah satu kepastian yang dinantikan oleh orang yang bertakwa, bukanlah musibah yang besar baginya. Namun musibah sebenar yang lebih besar daripada kematian ialah lalai dalam menghadapi kematian atau hanya sedikit mengingati kematian serta meninggalkan amal soleh yang merupakan bekalan untuk kematian.

### **Hadirin sekalian,**

Abu Darda' Radiallahuanhu telah menyatakan kematian yang menimpa diri seseorang mukmin itu suatu kebaikan bagi dirinya, tujuannya adalah baik, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah ali-Imran ayat 198:



لَكِنَّ الَّذِينَ اتَّقَوْا رَبَّهُمْ لَهُمْ جَنَّاتٌ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا  
الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا نُزُلًا مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ وَمَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ  
لِّالْبَرَارِ ﴿١٩٨﴾

*"Akan tetapi orang yang bertakwa kepada Tuhan mereka, mereka mendapat syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya sebagai satu tempat menyambut tetamu daripada Allah SWT. Dan apa yang ada disisi Allah adalah lebih baik bagi orang-orang yang berbakti."*

Manakala kematian itu bagi orang kafir pula adalah sebagaimana ditegaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah Ali Imran ayat 178:

وَلَا يَحْسِبَنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّمَا نُمِّلِي لَهُمْ خَيْرٌ لِّأَنفُسِهِمْ  
إِنَّمَا نُمِّلِي لَهُمْ لِيَزْدَادُوا إِثْمًا وَلَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ ﴿١٧٨﴾

*"Dan jangan sekali-kali orang kafir itu menyangka bahawa kami membiarkan (mereka hidup lama) itu lebih baik bagi mereka. Sesungguhnya kami membiarkan mereka hanyalah agar dosa mereka semakin bertambah (di dunia) dan mereka mendapat azab yang menghina (di akhirat kelak)."*

**Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,**

Abu Hurairah Radiallahuanhu meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَكْثَرُوا ذِكْرَ هَاذِمِ اللَّذَاتِ



*"Perbanyakkanlah mengingati pemutus kelazatan iaitu kematian."*

*(Riwayat Al-Tirmizi).*

Walaupun ini merupakan kata-kata yang ringkas dan mudah daripada baginda Nabi SAW, namun ianya mengandungi satu pesanan dan perintah yang amat bermakna bagi kita. Mengingati kematian dengan sebenar-benarnya dapat mencegah seseorang untuk terus berangan-angan dengan nikmat dunia malah manusia itu dapat hidup penuh ketenangan serta rasa syukur dengan rezeki yang Allah telah kurniakan kepadanya. Keindahan Islam mengajar kita, bukan sahaja menyentuh cara hidup tetapi Islam juga mengajar bagaimana manusia itu mengetahui cara untuk mati penuh dengan ketakwaan di sisi Allah SWT.

Sebahagian para ulama menyatakan bahawa barang siapa yang banyak mengingati kematian, maka dia akan dimudahkan oleh Allah SWT dengan tiga perkara. Tiga perkara tersebut iaitu dia akan segera bertaubat, dia akan selalu qanaah dalam hidup dengan apa yang Allah berikan kepadanya serta pastinya dia akan bersemangat dalam melaksanakan ibadah kepada Allah SWT. Malahan barangsiapa yang lalai mengingati kematian itu, maka dia juga akan dihina dengan tiga perkara iaitu dia akan sentiasa menanggungkan taubatnya kepada Allah SWT, sentiasa tidak mencukupi dengan rezeki pemberian Allah SWT dan dia akan berasa malas dalam beribadah kepada Allah SWT kerana menyangka umurnya masih panjang.

Jawab Nabi SAW apabila ditanya oleh sahabat tentang umur umat baginda SAW adalah sebagaimana diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

*"Usia umatku (umumnya berkisar) antara 60 sampai 70 tahun. Jarang sekali diantara mereka melewati (angka) itu"*

*(Riwayat al-Tirmizi).*



Ingatlah kita semua! Janganlah terpedaya dengan usia dan harta yang kita miliki. Jangan kita termasuk ke dalam golongan yang disebutkan oleh Allah dalam Surah al-Humazah ayat 2-4:

الَّذِي جَمَعَ مَالًا وَعَدَّدَهُ ۚ وَيَحْسَبُ أَنَّ مَالَهُ أَخْلَدَهُ ۗ ۝٣  
لَيُنْبَذَنَّ فِي الْحُطَمَةِ ۝٤

*"Yang mengumpulkan harta dan menghitungnya. Dia (manusia) menyangka bahawa hartanya itu dapat mengekalkannya (dalam dunia ini). Tidak sama sekali! Sesungguhnya dia akan dilemparkan ke dalam (neraka) al-Hutomah."*

Janganlah juga kita tertipu dengan nikmat kesihatan, jangan kita terlalai dengan nikmat hidup kerana sesungguhnya kematian itu pasti akan datang. Sedarlah kita apabila kematian menjemput, segala-galanya milik kita akan kita tinggalkan di atas dunia ini, malahan hanya amalan kita akan bersama kita di dalam kubur bagi menemani kita. Hadis daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Yang mengikuti jenazah itu 3 perkara, dua perkara akan kembali dan satu sahaja akan tetap menemaninya. Dia akan diikuti oleh ahli keluarganya, hartanya dan amalannya. Maka keluarga dan hartanya akan kembali pulang, yang kekal bersamanya hanyalah amalannya."*

*(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).*

**Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Sebagai penutup bicara khutbah hari ini, ada beberapa pengajaran dan penghayatan yang boleh kita hayati iaitu :

1. Umat Islam hendaklah memahami bahawa orang yang cerdik adalah mereka yang bersedia untuk menghadapi kematian.



2. Umat Islam perlu melipatgandakan ibadah dan segala amalan kebaikan sebagai bekalan untuk menghadapi kematian.
3. Umat Islam hendaklah sentiasa memohon kepada Allah SWT agar dimatikan dalam keadaan sebaik-baik kematian agar ditempatkan dalam syurga.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَأَبْتِغِ فِيمَا ءَاتَكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ<sup>ط</sup> وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ  
الدُّنْيَا<sup>ط</sup> وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ<sup>ط</sup> وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ<sup>ط</sup>  
إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

*"Dapatkanlah pahala dan kebahagiaan hari akhirat dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) daripada dunia. Lakukanlah kebaikan (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah melakukan kebaikan kepadamu. Janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi, sesungguhnya Allah tidak sukakan orang yang melakukan kerosakan."*

(Al-Qasas : 77).



بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ  
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ  
تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ





## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ



يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اَللّٰهُمَّ اَعِزِّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَهْلِكَ  
الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ  
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَّالَةَ مَلِكِنَا  
الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُوْمِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ  
الْحَاجِ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعُوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحْحَةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَعْكُوْ اَمِيْرِ شَاهِ ابْنِ  
السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ  
وَعَافِيَةٍ بِمَنْنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ  
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمَوْضَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ  
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah! Kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).



Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ  
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

﴿٧٤﴾

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾  
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.